



PEKERJA sibuk membersihkan kawasan kedai yang dimasuki air bercampur lumpur akibat limpahan air sungai Pelong yang melimpah akibat hujan selama 3 jam.



KEADAAN selepas kejadian banjir kilat berserta lumpur dan sampah-sarap di Kuala Terla. Gambar kecil, Subramaniam.

Oleh Muhammad
Apendy Issahak
apendy@hmetro.com.my
Cameron Highlands

Terjahan bak tsunami

■ 20 premis dilanda banjir selepas hujan lebat di Kuala Terla

"Saya terpaksa naik atas bumbung kereta dan memegang besi tingkap sekolah kerana takut dihanyutkan air yang datang seperti ombak besar dengan membawa pelbagai sampah dan kayu besar merempuh kawasan sekolah," kata AP Subramaniam, 50.

Subramaniam bertugas sebagai pengawal keselamatan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Kuala Terla, yang terjejas teruk akibat banjir kilat berserta lumpur dan sampah awal pagi semalam.

Dalam kejadian jam 1.30 pagi itu, lebih 20 premis termasuk sekolah, kedai dan kediaman terjejas selepas hujan lebat yang berlarutan lebih tiga jam di kawasan berkenaan.

Subramaniam berkata, bencana itu menyebabkan dia dan seorang rakan se-

kerja terperangkap dalam kawasan sekolah apabila air setinggi 0.6 meter membanjiri sekolah.

Katanya, pada awalnya air dari Sungai Pelong berhampiran melimpah ke jalan di luar sekolah saja, namun dipercayai akibat sampah dan kayu yang banyak tersangkut di sungai berkenaan serta menghalang aliran air menjadikan air semakin tinggi sebelum meruntuhkan tembok batu sekolah.

"Saya dengar bunyi dentuman kuat dari tembok batu yang roboh itu dan ia disusuli dengan rempuhan air seperti tsunami yang membawa sampah dan lumpur membanjiri sekolah.

"Ketika itu saya dan rakan sedang berlandung dalam kereta masing-masing dan kereta kami dihanyutkan sejauh beberapa meter di-rempuh air banjir itu, menyebabkan kami keluar dari kereta untuk naik atas bumbung kereta serta tangan berpaut pada besi tingkap sekolah," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian semalam.

Subramaniam berkata, dia dan rakannya bernasib baik kerana banjir kilat itu berlaku hanya dalam tempoh singkat saja sebelum surut 30 minit kemudian, namun ia meninggalkan lumpur

yang banyak memenuhi kawasan sekolah dan dia kemudian menghubungi guru besar untuk memaklumkan kejadian itu.

Guru Besar SJKT Kuala Terla P. Shanmugam

berkata, susulan kejadian itu sekolah terbabit mengalami kerosakan teruk membabitkan tembok batu yang runtuh,

pelbagai peralatan sekolah termasuk alat sukan, kerusi dan meja, serta kemudahan lain seperti tandas tersumbat dan tangki kumbahan juga pecah.

"Sesi persekolahan 76 murid membabitkan pra seko-

lah hingga tahun enam pada pagi ini (semalam) dan 12 guru turut terjejas dan bertukar menjadi gotong-royong membersihkan kawasan sekolah dengan kerjasama pihak ibu bapa, Persatuan Ibu Bapa dan Guru serta bomba.

"Difahamkan, ini kali ketiga sekolah ini dilanda banjir kilat, namun kejadian terbaru ini adalah yang paling teruk dan kerosakan dialami dianggarkan mencecah RM300,000," katanya.

Menurutnya, pihaknya sudah melaporkan kejadian itu kepada Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah di-benarkan cuti berganti pada hari ini, kerana keadaan sekolah masih belum dibersihkan sepenuhnya.

FAKTA
Sekolah dilanda
banjir kilat
mengalami
kerosakan cecah
RM300,000